

Kronologi tahanan reman lari

9 pagi Sembilan suspek berpura-pura bergaduh di dalam van ketika dalam perjalanan dari Penjara Pulau Pinang ke Mahkamah Sesyen Butterworth untuk menghadiri perbicaraan.

● Polis berhenti di Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (LLB), kira-kira 30 meter dari susur keluar Pantai Bersih, Bagan Ajam.

● Seorang suspek membaling serbuk cili ke arah anggota polis dan berlaku pergelutan antara polis dan semua suspek.

9.30 pagi Suspek melarikan diri menaiki van polis sejauh 20 kilometer ke Padang Cempedak, Tasek Gelugor selepas meninggalkan empat anggota polis yang cedera di tepi lebuhraya.

BH Digital



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my

10.30 pagi Van polis dijumpai tersadai di Padang Cempedak berhampiran lintasan kereta api. Dua suspek ditahan. ● Dua suspek berjaya ditahan semula di lokasi van itu ditemui. Polis turut menemui gari dan kunci gari serta botol



Orang ramai **membantu anggota polis yang cedera** selepas van mereka dilarikan tahanan berhampiran susur keluar Pantai Bersih, dekat Bagan Ajam, semalam.



Anggota polis unit forensik memeriksa **van polis yang dilarikan sembilan tahanan** di Padang Cempedak, Tasek Gelugor, Pulau Pinang, semalam.

[FOTO MOHD KAMIL RAHIM/BH]

BH 9/1/13 MS 14

9 tahanan reman lari macam drama TV

Hospital Seberang Jaya (HSJ), di sini, dan menerima rawatan sebagai pesakit luar.

Difahamkan, tiga daripada suspek yang melarikan diri itu cuba memasuki sebuah rumah di Kampung Padang Cempedak untuk mencuri baju tetapi disedari pe-

putih yang dipercayai berisik serbuk cili.
● Polis mengadakan sekatan jalan raya dan memulakan gerakan mengesan suspek yang melarikan diri di ladang kelapa sawit berhampiran lokasi kejadian dan kawasan sekitarnya.

2 petang Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahim Hanafi, melawat anggota polis yang cedera di Hospital Seberang Jaya.

2.15 petang Anggota polis yang cedera dibenarkan keluar selepas menerima rawatan pesakit luar.



Anggota polis yang cedera **dirawat di Hospital Seberang Jaya, semalam.**
[FOTO SITI AZILA ALIAS/BH]

» Suspek pura-pura gaduh dalam van ke mahkamah sebelum belash 4 anggota polis

Oleh Azila Alias
bhnews@bharian.com.my

► Butterworth

Sembilan tahanan reman yang disifatkan berbahaya dan agresif bertindak nekad membelash empat anggota polis yang mengiringi mereka sebelum melarikan diri dengan van

polis ketika dalam perjalanan menghadiri perbicaraan di Mahkamah Sesyen di sini, pagi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 9 pagi itu, suspek terbabit dibawa dari Penjara Pulau Pinang untuk menghadiri perbicaraan di Mahkamah Sesyen, membabitkan perjalanan sejauh kira-kira 30 kilometer.

Bagaimanapun, mereka berpura-pura bergaduh dalam van yang diiringi empat anggota polis berkenaan menyebabkan kenderaan itu terpaksa berhenti di Lebuhraya Lingkar Luar Butterworth (LLB), kira-kira 30 meter dari susur keluar Pantai Bersih bagi meleraikan keadaan.

Sebaik van berhenti, seorang daripada tahanan terbabit memaling serbuk cili ke arah seorang anggota polis, sebelum mereka membelash keempat-empat anggota polis dan meninggalkan anggota itu di tepi lebuhraya.

Semua tahanan terbabit me-

ninggalkan lokasi kejadian dengan menaiki van berkenaan tetapi dua daripada mereka berjaya ditahan semula bersama kenderaan polis itu yang tersadai di Padang Cempedak, Tasek Gelugor, kira-kira 20 kilometer dari lokasi kejadian.

Tujuh daripada suspek terbabit dipercayai membuka gari masing-masing di situ manakala dua lagi tidak melarikan diri dan ditahan semula.

Polis, suspek bergelut

Seorang saksi yang enggan dikenali berkata, dia ternampak pergelutan antara polis dan suspek ketika melakukan kerja kontrak berhampiran lokasi kejadian tetapi tidak berani berbuat apa-apa kerana bimbang suspek mempunyai senjata.

Dia hanya menghampiri anggota polis berkenaan sebaik semua suspek melarikan diri dan membantu mereka yang cedera di kepala dan muka sebelum dirujuk ke

milik rumah yang kemudiannya menjerit menyebabkan mereka melarikan diri.

Joe Mafia dalang

Suspek, Mohd Noor Mohd Mustafa, 28, yang juga dikenali sebagai Joe Mafia dipercayai dalang yang merancang kejadian serta pernah ditahan di penjara sebelum ini bersabit kes samun bersenjata api dan ditahan semula dipercayai berhubung kes samun, baru-baru ini.

Dia dipercayai menggunakan pin untuk membuka gari.

Suspek lain ialah Hiss Ham Abdul Rahman, 39; Hamzani Abdul Rahman, 37; Mohd Fairuz Adam, 31; dan Mohd Shahrmy Mohd Noor, 28, yang ditahan berkaitan kesalahan mengikut Seksyen 395/397 Kanun Keseksaan kerana mencuri berkumpulan dan bersenjata.

Selain itu, dua suspek lagi ialah Mohd Farid Akhtar, 24, dan Mohd Khairul Nizam Abdul Rani, 26, dengan kesalahan yang dilakukan belum dapat disahkan.

FAKTA NOMBOR

30 meter

perjalanan dari penjara ke Mahkamah Sesyen



2 tahanan

berjaya ditahan semula bersama kenderaan polis yang tersadai di Padang Cempedak, Tasek Gelugor



Anggota polis **mengadakan sekatan jalan raya** di Ara Kuda, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, semalam. [FOTO MOHD KAMIL RAHIM/BH]

Gerakan buru penjenayah berbahaya

Butterworth: Polis melancarkan gerakan besar-besaran memburu tujuh tahanan reman yang melarikan diri menggunakan van polis selepas membelasah empat anggota polis pengiring di Lebuhraya Lingkar Luar Butterworth (LLB), pagi semalam.

Tujuh tahanan reman yang sepatutnya dibawa ke Mahkamah Sesyen di sini, untuk perbicaraan itu disifatkan berbahaya dan agresif kerana terbabit dalam kesalahan jenayah berat.

Ketua Polis Pulau Pinang, Datuk Abdul Rahim Hanafi, berkata siasatan awal polis mendapati suspek dapat membuka gari berikutan penemuan gari dan kunci di dalam van yang ditinggalkan di Padang Cempedak, Tasek Gelugor.

Botol berisi serbuk cili

Lakaran sembilan suspek lari daripada tahanan polis

B/H 8/1/13 MS 1A.

Suspek pura-pura bergaduh dan polis hentakan van. Seorang suspek baling serbuk cili ke arah polis sebelum membelasah mereka. Empat anggota polis ditinggalkan di tepi lebuhraya. Suspek melarikan diri menaiki van



Suspek memandu sejauh 20km ke Padang Cempedak, membuka gari, tinggalkan van. Dua suspek ditahan semula, tujuh melarikan diri

Polis mengadakan sekatan jalan raya di sempadan Pulau Pinang/Kedah berhampiran Lunas

GAMBAR SUSPEK YANG DIEDARKAN OLEH POLIS



Mohd Noor Mohd Mustafa

Hamzani Abdul Rahman

Mohd Fairuz Adam

Mohd Shahrmy Mohd Noor

Mohd Farid Akhtar

Hiss Ham Abdul Rahman

20 kilometer

Kendaraan polis dilarikan tahanan remudi dari tempat kejadian



Gari dan botol berisi serbuk cili yang diumpuk dalam van polis

"Hasil pemeriksaan polis di dalam van berkenaan turut menemui satu botol kaca berwarna putih, dipercayai bekas berisi serbuk cili"

Abdul Rahim Hanafi, Ketua Polis Pulau Pinang



Katanya, hasil pemeriksaan polis di dalam van berkenaan turut menemui satu botol kaca berwarna putih, dipercayai bekas berisi serbuk cili.

Difahamkan, van berkenaan dibiarkan tersadai di kawasan itu selepas mereka tidak dapat meneruskan perjalanan selepas terhalang oleh landasan kereta api.

"Kami kini giat menjalankan gerakan bagi mengesan ketujuh-tujuh suspek yang melarikan diri itu dan mengadakan sekatan jalan raya di Padang Cempedak dan kawasan sekitarnya.

"Semua suspek berusia antara 20-an dan 30-an itu adalah agresif dan pernah terbabit dengan kesalahan mengikut Kanun Keseksan iaitu Seksyen 395 (samun berkumpulan), Seksyen 392 (samun), Seksyen 302 (membunuh) dan Seksyen 324 (mendatangkan kecederaan).

"Bagaimanapun, empat anggota polis pengiring dari Balai Polis Bukit Mertajam hanya cedera di kepala, mata dan muka serta dibenarkan keluar jam 2.15 petang selepas menerima rawatan," katanya ketika ditemui di pekarangan Hospital Seberang Jaya (HSJ), di sini, petang semalam.

Abdul Rahim berkata, siasatan terperinci dari pelbagai sudut akan dijalankan bagi mengetahui bagaimana botol putih berisi serbuk cili itu boleh berada bersama suspek ketika mereka dibawa dari Penjara Pulau Pinang.

Katanya, kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 223 Kanun Keseksan berhubung melarikan diri daripada tahanan, Seksyen 224 berhubung kecuaiannya sehingga menyebabkan suspek melarikan diri dan Seksyen 394 kanun sama kerana sengaja menyebabkan cedera.